

MRT Corp beri 5 pakej RM3.47b

MASS Rapid Transit Corp (MRT Corp) memberi lima pakej kerja bernilai RM3.47 bilion bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang berikutan selesainya Mesyuarat Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Putrajaya, semalam.

Ia termasuk Pakej Jejambat Transit V8 dari Taman Mesra ke Kajang, kereta api elektrik, isyarat dan sistem kawalan kereta api, bekalan kuasa dan pengedaran serta depot kelengkapan dan kenderaan penyelenggaraan.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, pemberian Pakej V8 kepada syarikat berkaitan kerajaan, UEM Construction Sdn Bhd kesemua lapan pakej kerja bagi pembinaan laluan panduan jejambat, bertingkat dan bawah tanah bagi laluan itu sudah diberikan. - Bernama